

13 AUG 1999

Mahathir-Kubang Pasu

MAHATHIR ALU-ALUKAN CALON PEMBANGKANG DI KUBANG PASU

SEREMBAN, 13 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penceramah agama Datuk Dr Harun Din atau siapa sahaja dari parti pembangkang boleh bertanding di kawasan Parlimen Kubang Pasu yang diwakilinya itu.

"Wan Azizah pun nak lawan juga di Kubang Pasu, Harun Din pun nak lawan, baguslah, siapa teringat nak pergi Kubang Pasu pergilah, jangan dia berkubang di situ sudahlah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita apabila ditanya tentang desas-desus bahawa Harun akan bertanding menentanginya di kawasan Parlimen itu. Dr Mahathir menamatkan lawatan kerja dua hari ke Negeri Sembilan hari ini.

Beliau berkata penyokong PAS kini tidak lagi memanggil kawasan Parlimennya itu Kubang Pasu tetapi Kubang Pas dengan menggugurkan huruf "U".

"Ia jadi kubang Pas pasal orang Pas suka duduk dalam kubang," katanya.

Ketika ditanya tentang tarikh sesuai untuk pilihan raya umum akan datang, Dr Mahathir berkata semua tarikh adalah sesuai untuk pilihan raya dan ia akan tetap diadakan sebelum Julai tahun depan.

"Kita boleh panggil pilihan raya bila-bila, tetapi kita tak hendak membazir. Kita diberi masa selama lima tahun, kalau kita sekejap-sekejap nak ada pilihan raya, pilihan raya ada kosnya dan kita jadikan pendek sesuatu kerajaan itu tak guna.

"Kalau kita boleh tunggu sampai last day (hari akhir), kita tunggu sampai last day, kalau tak boleh kita buat awal sedikitlah," katanya.

Mengenai cadangan dalam manifesto parti Keadilan untuk menjadikan jawatan Perdana Menteri di negara ini hanya dipegang selama dua penggal sahaja, Dr Mahathir berkata, itu terpulang kepada rakyat kerana mereka diberi kebebasan dan ada akal fikiran.

"Tidak harus ada sekatan kepada rakyat untuk memilih calon yang mereka suka, apa sebabnya yang kita nak bagi (tetapkan) had," katanya.

Katanya, cadangan dua penggal itu mungkin sesuai kepada orang yang hanya ada kepentingan untuk mendapatkan jawatan tetapi kerajaan Barisan Nasional lebih mementingkan untuk menjalankan kerja.

Katanya seseorang Perdana Menteri memerlukan masa untuk melaksanakan tugasnya, satu penggal diperlukan untuk merancang, penggal kedua baru nak melaksanakan dan penggal ketiga baru boleh melihat hasilnya.

"Kita nak buat kerja, kalau terpaksa letih macam manapun, umur sampai 100 tahunpun, kalau boleh buat kerja, orang suka kita nak buat kerja, kita buatlah apa nak buat," katanya.

Perdana Menteri yang berpuas hati dengan sambutan rakyat dalam lawatannya ke Negeri Sembilan serta negeri-negeri lain yakin BN boleh menang besar dalam pilhan raya umum akan datang jika ia membuat persediaan yang baik.

Beliau tidak menolak kemungkinan mengadakan lawatan "pusingan kedua atau ketiga" ke seluruh negara untuk bertemu rakyat sebelum pilihan raya memandangkan sambutan baik yang diterimanya itu.

Ditanya sama ada kerajaan akan mengambil sebarang tindakan terhadap penyelewengan agama oleh PAS, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan memberi penjelasan kepada penyokong-penyokong Umno dan penyokong kerajaan, kemudian kepada orang yang mirip kepada parti PAS dan akhir sekali kepada penyokong PAS.

"Sebab penyokong PAS ini, kemampuan dia berfikir sudah dimusnahkan oleh PAS, kalau kita tunjuk kepada dia kertas putih dan kita kata ini kertas putih...dia akan kata hijau, sebab dia nampak hujau sahaja," katanya.

-- BERNAMA

AFY MAI